



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMOHON

**PERMOHONAN '*REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)*'
PERKHIDMATAN PELAKSANAAN PROGRAM JELAJAH MINI
KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA (JKBM) 2023 DI BAWAH
KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM) 2023**

PERINGATAN PENTING:

**PEMOHON DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI DAN MEMAHAMI
KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN INI**

**ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PEMOHON
BAGI PERMOHONAN 'REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)' PERKHIDMATAN
PELAKSANAAN PROGRAM JELAJAH MINI KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA
(JKBM) 2023 DI BAWAH KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM) 2023**

Pemohon dikehendaki mematuhi sepenuhnya Arahan Dan Syarat Kepada Pemohon bagi Permohonan 'Request For Proposal (RFP)' Perkhidmatan Pelaksanaan Program Jelajah Mini Karnival Barangan Malaysia (JKBM) 2023 Di Bawah Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2023. **KEGAGALAN MEMATUHI** mana-mana arahan atau syarat yang dinyatakan boleh menyebabkan **PERMOHONAN DITOLAK**.

1. Kelayakan Pemohon

- (i) Pemohon adalah Syarikat tempatan yang berdaftar, bertapak dan menjalankan perniagaan di Malaysia.
- (ii) Pemohon perlu mahir dengan pengurusan dalam Perkhidmatan yang perlu dijalankan.
- (iii) Pemohon mempunyai kemudahan logistik dan tenaga kerja yang mencukupi untuk melaksanakan Perkhidmatan.
- (iv) Keutamaan diberikan kepada Syarikat Bumiputera.
- (v) Memiliki Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Berserta **Kod Bidang (221305)** Di Bawah Kementerian Kewangan Malaysia

2. Taklimat

- (i) Satu taklimat secara maya berkaitan RFP ini akan diadakan pada tarikh, masa dan pautan seperti berikut:

Tarikh : **12 Jun 2023 (Isnin)**

Masa : **10.00 pagi**

Pautan : **meet.google.com/gnk-ubxg-hop**

- (ii) Sebarang pertanyaan lanjut boleh dirujuk kepada pegawai bertugas di talian berikut:

**No. Telefon: 03 - 8882 6416 / 03 - 8882 6488
(9.00 pagi – 5.00 petang)**

3. Tempoh Pelawaan dan Penghantaran Kertas Cadangan 'RFP'

Borang Permohonan yang telah lengkap dan ditandatangani hendaklah dihantar secara **EMEL** tidak lewat jam **12.00 tengah hari** pada **21 Jun 2023 (RABU)**. Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemohon bagi menyediakan permohonan boleh dituntut daripada pihak Kerajaan.

Dokumen hendaklah dikemukakan secara **EMEL** ke alamat emel sekretariat KBBM di bmc@kpdn.gov.my.

4. Skop Perkhidmatan

Skop perkhidmatan bagi perkhidmatan Pelaksanaan Program Jelajah Mini Karnival Barangan Malaysia (JKBM) 2023 adalah seperti berikut:

BIL	SKOP PERKHIDMATAN
1.	CADANGAN KONSEP, TEMA DAN PELAN LANTAI PROGRAM <ul style="list-style-type: none">i. Mencadangkan rekabentuk, konsep, tema dan identiti Jelajah Mini KBM 2023 yang merangkumi nama, logo, warna tema, <i>hashtag</i> dan lain-lain yang relevanii. Memastikan susunan <i>kiosk/pushcart</i> adalah strategik untuk laluan pengunjung tanpa ada sebarang <i>dead area</i>, tidak menghalang pandangan dan memenuhi kehendak pasar raya; daniii. Dekorasi/pagar kawasan pempamer bagi membezakan ruang antara setiap pempameriv. Kemasan lantai – <i>color flooring needle punch carpet</i> merangkumi Kawasan pempamer dan bahan promosi
2.	LIBAT URUS, SEWAAN DAN PERLESENAN <ul style="list-style-type: none">i. Mengadakan sesi libat urus dan kelulusan kerja-kerja pemasangan kelengkapan program dan dismantle dengan pihak pengurusan bangunan dan PBTii. Menanggung kos sewaan tapak, <i>electricity</i> dan sebarang kos-kos yang terlibat bagi pelaksanaan program termasuk lesen dan lain-lainiii. Mengadakan sesi taklimat kepada pempameriv. Borang akujanji atau sebarang bentuk kontrak penyertaan Bersama pempamerv. Kos pentadbiran, logistik dan utiliti

	<ul style="list-style-type: none"> vi. Mendapatkan lesen dan permit dari pihak berkaitan (sekiranya perlu) mengikut peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.
3.	<p>15-20 UNIT KIOSK/PUSHCART/BOOTH (SERTAKAN CADANGAN TEMA DAN REKABENTUK KIOSK/ PUSHCART/ BOOTH)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Signage (logo program, logo syarikat dan jenama); ii. 1 unit meja serta ruang penyimpanan; iii. 1 unit kerusi; iv. 1 unit lampu; v. 2 unit plug point 13amp/ 15amp (24 jam); dan vi. 1 unit bakul sampah dan plastik. vii. 1 unit booth Kementerian
4.	<p>KELENGKAPAN PROGRAM/SIAR RAYA</p> <ul style="list-style-type: none"> i. DB Box (kapasiti bersesuaian dengan keperluan program) ii. Merekabentuk ruangan program lengkap dengan keperluan kerusi, meja, plug point dan ruang yang memenuhi syarat syarikat <i>mall</i> iii. LED/LCD Screen untuk papar maklumat program iv. PA Sistem (2 unit <i>mic</i>, 1 <i>speaker</i> dan 1 unit <i>mixer/amplifier</i>) v. DJ dan teknikal bertugas sepanjang program
5.	<p>KELENGKAPAN PENTAS</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pentas bersaiz 12ft x 10ft x 2ft ii. Rekabentuk, setakan dan dekorasi pentas iii. <i>Plugpoint</i> iv. Kemasan lantai pentas – <i>color flooring needle punch carpet</i> v. <i>Backdrop</i> bersesuaian (<i>LED/LCD Screen</i>)
6.	<p>MAJLIS PELANCARAN</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menguruskan Majlis Pelancaran berskala kecil dengan keperluan <i>PA System</i>, <i>Rostrum</i>, Kerusi VIP termasuk kerusi pengunjung. ii. Merancang, mencadang dan melaksanakan sesi gimik pelancaran berskala kecil
7.	<p>BAHAN PROMOSI</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Rekabentuk 2 unit poster program digital untuk pengiklanan melalui media sosial ii. Rekabentuk, cetakan dan binaan <i>Entrance Arch</i> iii. Rekabentuk, cetakan, pemasangan 10 unit bunting promosi termasuk kos pemasangan dan lesen (2x6) iv. Papan informasi <i>cum photobooth (double sided)</i>

8.	PROGRAM SOSIAL MEDIA <ul style="list-style-type: none"> i. Pertandingan <i>post contest</i> termasuk hadiah untuk 3 pemenang – <i>Buy, Follow, Post & Win</i> (Facebook atau Instagram atau kedua-duanya) ii. Rekabentuk dan hebahan poster Pertandingan iii. Penyediaan hadiah untuk Pemenang
9.	AKTIVITI PENTAS <ul style="list-style-type: none"> i. 2 sesi aktiviti pentas setiap hari ii. Mencadangkan jadual/agenda pelaksanaan keseluruhan program bagi ketiga-tiga hari program
10.	PELAPORAN <ul style="list-style-type: none"> i. Laporan hasil jualan harian ii. Laporan bergambar keseluruhan program

5. Lokasi dan Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan

Lokasi dan jadual pelaksanaan Jelajah KBM yang telah dicadangkan oleh Kementerian adalah seperti berikut:

ZON / PERINGKAT	NEGERI	LOKASI	TARIKH
Utara	Alor Setar, Kedah	Aman Sentral Mall	Akan dimuktamadkan
Sarawak	Miri, Sarawak	Bintang Megamall	Akan dimuktamadkan
Pantai Timur	Kuantan, Pahang	Kuantan City Mall	25 – 27 Ogos 2023
Sabah	Kota Kinabalu, Sabah	Imago Shopping Complex	15-17 September 2023
Selatan	Johor Bahru, Johor	Paradigm Mall	5 – 7 Oktober 2023

6. Anggaran Peruntukan Kementerian

Anggaran peruntukan Kementerian bagi pelaksanaan Jelajah KBM adalah seperti berikut:

SKOP PROJEK YANG DIMOHON	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)
JELAJAH MINI KBM ZON UTARA	RM 150,000.00
JELAJAH MINI KBM ZON SELATAN	RM 150,000.00
JELAJAH MINI KBM ZON PANTAI TIMUR	RM 150,000.00
JELAJAH MINI KBM ZON SABAH	RM 150,000.00
JELAJAH MINI KBM ZON SARAWAK	RM 150,000.00

*Anggaran peruntukan ini merangkumi kos sewaan lokasi dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)

7. Dokumen Permohonan

a) Pemilihan Zon Pelaksanaan

- (i) Pemohon boleh memohon satu (1) atau lebih daripada satu (1) Zon yang tersenarai di Perenggan 4; dan
- (ii) Pemohon hendaklah menggunakan **Borang Permohonan yang berasingan bagi SETIAP ZON** yang dimohon.

b) Panduan Pengisian Borang Permohonan

- (i) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang Permohonan mengikut format yang telah ditetapkan;
- (ii) Borang Permohonan hendaklah dilengkapkan dengan kemas dan jelas serta menggunakan pen berdakwat hitam dan ditulis dengan huruf besar (*capital letter*) atau ditaip;
- (iii) Borang Permohonan dan dokumen-dokumen yang disertakan bersama hendaklah dilampirkan bersama di dalam satu (1) emel; dan
- (iv) KPDN berhak untuk menolak sebarang Borang Permohonan yang tidak mengikut panduan yang telah ditetapkan.

c) Semak Dokumen yang perlu dikemukakan oleh Pemohon

DOKUMEN	BIL	SENARAI DOKUMEN
Dokumen Wajib	1	<p>BORANG PERMOHONAN</p> <p>(i) Bahagian 1 : Profil Syarikat (ii) Bahagian 2 : Pengalaman Syarikat (iii) Bahagian 3 : Tawaran Harga (iv) Senarai Semak</p>
	2	<p>KERTAS CADANGAN (<i>REQUEST FOR PROPOSAL</i>) PERKHIDMATAN PELAKSANAAN PROGRAM JELAJAH MINI KARNIVAL BARANGAN MALAYSIA (JKBM) 2023 DI BAWAH KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM)</p> <p>Kertas Cawangan merangkumi konsep, keperluan dan butiran sebut harga bagi keseluruhan pelaksanaan</p>
	3	<p>SALINAN DOKUMEN PENDAFTARAN SYARIKAT/ PERNIAGAAN YANG BERDAFTAR DI BAWAH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)</p> <p>Salinan dokumen ini mestilah masih sah laku (<i>valid</i>) sewaktu pelaksanaan program</p>
	4	<p>SALINAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERSERTA KOD BIDANG (221305) DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</p> <p>Salinan dokumen ini mestilah masih sah laku (<i>valid</i>) sewaktu pelaksanaan program</p>
	5	<p>SALINAN PENYATA BANK</p> <p>Salinan Rasmi Penyata Bank (janaan mesin ATM atau CDM tidak diterima) untuk tiga (3) bulan terkini</p>

d) Tatacara Penghantaran Borang Permohonan

- (i) Borang Permohonan yang dikemukakan perlu dicetak di atas kertas berwarna putih, bersaiz A4, diimbas dan dihantar menggunakan format *portable document format* (pdf).
- (ii) Kertas Cadangan RFP yang dikemukakan boleh menggunakan format *power point* (ppt) atau *portable document format* (pdf) sahaja.
- (iii) Sekiranya dokumen yang dihantar melebihi kouta saiz yang dibenarkan, pemohon boleh mengemukakan pautan muat turun dokumen di dalam emel yang sama.

8. Tempoh Sah Laku Tawaran

- 7.1 Tempoh sah laku tawaran pemohon hendaklah 180 hari daripada tarikh tutup iklan.
- 7.2 Mana-mana pemohon yang mengemukakan tempoh sah laku harga kurang daripada masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

9. Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima

Kerajaan akan mengeluarkan Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima (SST) kepada Pemohon yang berjaya dan SST tersebut perlulah dikembalikan kepada Kementerian dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh ianya dikeluarkan oleh Kementerian.

10. Kontrak

Semua syarat yang terkandung dalam dokumen atau di mana-mana jadual yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen permohonan ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan Pemohon yang berjaya. Pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan pihak Kerajaan dan membayar segala gantirugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak. Sebarang bantahan kepada syarat-syarat kontrak hendaklah dibuat semasa mengemukakan permohonan.

11. Tempoh Kontrak Dan Jaminan

- 10.1 Tempoh kontrak adalah selama enam (6) bulan bermula 1 Julai 2023 sehingga sehingga 31 Disember 2023.
- 10.2 Pemohon yang berjaya wajib menandatangani perjanjian kontrak dengan Kerajaan Malaysia dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di dalam iklan dan membayar pampasan seumpamanya seperti yang dianggap wajar sekiranya melanggar kontrak.
- 11.3 KPDN berhak menentukan tarikh permulaan dan tarikh tamat jaminan.

12. Duti Setem

Mana-mana duti setem yang perlu dibayar dan perbelanjaan yang berbangkit mengenai perjanjian ini akan ditanggung oleh Pemohon.

13. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

- 12.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- 12.2 Pemohon yang didapati mengemukakan maklumat atau dokumen palsu bagi menyertai RFP ini adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- 13.3 Mana-mana kontraktor atau Pemohon yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
- 13.4 Pemohon yang berminat menyertai RFP ini perlu mematuhi PK 1.6 (Integriti dalam Perolehan Kerajaan) dan PK 8 (Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan).

14. Maklumat Tambahan

Sebarang keperluan maklumat tambahan mengenai permohonan ini boleh dirujuk kepada:

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup,
Bahagian Pembangunan Perniagaan,
Aras 5 (Menara), No 13, Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya**

Untuk Perhatian:

a. Sekretariat KBBM

Email : bmc@kpdn.gov.my

b. Encik Salman Bin Salim

No. Tel : 03-8882 5778

Emel : salman.salim@kpdn.gov.my

c. Encik Mohd Raffar Bin Ramli

No. Tel : 03-8882 6416

Email : raffar@kpdn.gov.my

d. Cik Siti Zulaikha Binti Ibrahim

No. Tel : 03-8882 6488

Emel : zulaikha@kpdn.gov.my

*8 Jun 2023
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup (KPDN)*